

# Pertubuhan belia akan diperkasa

S H 30/06/08 M/S 3

Sehingga kini kurang dari 30 peratus belia sahaja yang bergiat aktif di dalam sebarang program sama ada melibatkan pertubuhan belia kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) dan ini amat mendukacitakan.

■ ADDY JUNAIDI

**KLANG** – Kerajaan negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) akan menggerakkan usaha memperbaiki semua persatuan belia sedia ada dalam Selangor untuk memastikan ia bergerak dengan lebih proaktif, sekali gus menambah baik kedudukan belia di negeri ini.

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sehingga kini kurang dari 30 peratus belia sahaja yang bergiat aktif di dalam sebarang program sama ada melibatkan pertubuhan belia kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) dan ini amat mendukacitakan.

“Tujuan utama kerajaan negeri ialah untuk mengemblem tenaga generasi muda ini agar secara tidak langsung mereka dapat mengatasi masalah sosial yang dihadapi seterusnya membuka peluang kepada belia untuk merangka sendiri rancangan pembangunan untuk kebaikan golongan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika bertemu media selepas menyempurnakan perasmian Majlis Himpunan 1,000 Generasi Muda Dewan Undangan Negeri (DUN) Selat Kelang di sini semalam.



ABDUL KHALID IBRAHIM

Terdahulu ketika berucap merasmikan acara tersebut, Abdul Khalid berkata, belia yang ada sekarang hanyalah hebat pada kuantitinya berbanding kualiti yang diperlukan untuk menerajui kepimpinan masa kini.

Berpendapat bahawa pertubuhan mewakili belia hanya akan lebih aktif jika dipimpin sendiri oleh lapisan tersebut, beliau bagaimanapun kecewa kerana masih terdapat keciciran dari segi perilaku dan mental di kalangan belia.

“Bagi kerajaan negeri, hanya belia yang akan menentukan masa hadapan mereka sendiri. Jadi kita akan bantu dengan menyediakan prasarana seperti dana untuk pergerakan mereka, penggunaan bangunan untuk menjalankan aktiviti dan mesyuarat serta galakan dalam menjalankan sosial dan ilmuwan.

“Tidak lupa juga bantuan dari segi tenaga pengajar dan usaha untuk menarik belia lain mencampuri program sebegini,” ujar beliau.

Dalam usaha memperbaiki semua perkara terlibat, Khalid

berkata kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Pegawai Daerah di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melantik wakil-wakil belia di setiap kampung dan daerah sebagai penggerak pembangunan di kawasan mereka.

Dalam perkembangan lain, Abdul Khalid turut mengulas mengenai kekosongan jawatan Naib Canselor di Universiti Industri Selangor (Unisel) selepas Prof Datuk Dr. Razali Agus tidak lagi disambung kontrak perkhidmatannya mulai penghujung Julai nanti.

Katanya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ramli Mahmud yang dulunya pernah terlibat dalam mentadbir Unisel akan membuat kenyataan akhbar mengenai rasional keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Pemegang Amanah Yayasan Pelajaran Unisel Berhad.

Beliau menambah, Razali masih belum datang bertemuinya seperti yang didakwa oleh bekas Naib Canselor tersebut. Bagaimanapun beliau tidak menolak untuk mempertimbangkan Razali sebagai calon Naib Canselor Unisel yang baru jika berlaku sebarang rundingan.

“Kalau dia (Razali) berbincang dengan setiausaha kerajaan negeri dan jika dia berminat untuk disenaraikan sebagai calon boleh juga, tapi terpulang kepada perbincangan mereka.

“Tetapi ingin saya perbetulkan di sini bahawa kerajaan negeri tidak memecat beliau, sebaliknya kita hanya tidak menyambung kontrak perkhidmatannya,” kata beliau lagi.